

Di dalam persidangan ulama yang telah menubuhkan Persatuan Islam se-Malaya wakil Qalam Hamfa apabila majlis itu dibuka oleh : “Mufti” Pulau Pinang dan Seberang Perai hanya dengan membaca Fatihah sahaja. Sungguhpun Fatihah bagus tetapi dengan sifatnya sebagai Mufti adalah sepatutnya menaburkan ucapan-ucapan yang menggalak dan berharga. Kalau kerana mengambil “berkat” dengan “Fatihah” sahaja lebih baik panggil orang lain – bagaimana fikiran tuan-tuan pembaca – betul atau tidak ?!

-----*-----*-----

Di dalam keputusan yang diambil di dalam “Persidangan Ulama” di Butterworth menetapkan berdirinya Persatuan Islam se-Malaya dengan ahli-ahlinya boleh masuk mana-mana persekutuan yang lain – dan oleh itu, pada masa itu, ketuanya telah memegang dua jawatan, satu di UMNO dan satu di IMF ; sedang yang lain-lainnya yang terbanyaknya ahli-ahli UMNO. Kalau terjadi UMNO hendak mengadakan loteri maka bagaimana

perdiriannya? Sudah tentu sebagai pucuk ru. Selain daripada itu maka zahirlah di sini bagaimana sebenarnya iman mereka – hatinya kepada agama Allah

sambil-sambil sahaja pada hal jihad kepadanya sekarang sangat-sangat dituntut. Inilah sifat kera yang payah difikirkan – barangkali kerana serban berlilit – hati pun berlilit juga – adakah begitu ?!

-----*-----*-----

Gambar yang tertera pada muka 36 diambil di sebuah kedai orang Chulia di Pulau Pinang. Rajah isi di atas dan assalamualaikum di bawahnya sedang betul-betul. Bir dan stout, berjijir di sebelahnya. Biasanya orang-orang Chulia itu ahli-ahli kepada Muslim Liga Malaya. Adakah perbuatan yang semacam ini suatu permainan? Adakah Muslim Liga tidak nampak dan membiarkan ahli-ahlinya menjual barang-barang yang haram?! Apakata Mufti Pulau Pinang – mesti dibiarkan sahajakan atau tidak mengapa – habis bertutup dengan baca Fatihah sahaja? Iktibarlah bagi lain-lain tempat – tempatnya. Perbuatan yang demikian ini tidak tabik kecuali lagi.



KOPI PAHIT

Hajat untuk memperbaiki perjalanan agama sekarang sangat kencang – orang-orang kita berhajat pertadbiran agama diselenggarakan dengan sempurna dan kerana itu Jabatan-jabatan Agama hendaklah mengulukan pekerjaan ini. Supaya pandangan orang kepada usaha itu semakin kencang. Di dalam masa yang demikian ini janganlah hendaknya ada orang yang mengutamakan maslahat sendiri sahaja – tidak mengendahkan maslahat umum. Jangan pula nanti ada skim-skim yang diberi kepada jabatan itu sekalipun sedikit tetapi tidak juga sampai kepada tujuannya. Risik-risik berkenaan dengan duit untuk membeli Quran di sebuah jabatan agama sebanyak 5000 naskhah yang dibeli hanya 2500 sahaja sedang separuh perginya T.S.T tidak cukup demikian dikatakan juga yang sampai kepada sekolah-sekolah Quran hanya 1000 sahaja sedang yang lainnya dijual pula dan wangnya pun T.S.T juga. Kalau

Sudah begitu sekali gelap matanya tidaklah kita tau hendak katakan jenis apakah orang yang membuat kerja ini.

-----*-----*-----

Orang-orang kita sekarang banyak yang “berani”. Berani apa?! Mereka berani mencapai Allah. Kalau tidak sembahyang pun tidak mengapa, minum arak pun tidak mengapa dan dan sehingga untuk mencapak. Kuasa Allah ada orang mau masuk neraka – menepuk dada di hadapan ramai – mencapak kekuasaan Tuhan tetapi biasanya pada zaman sekarang perbuatan itu dibalas Tuhan terang-terang supaya menjadi ingatan kepada umum – terbukti kononnya orang yang redha masuk neraka tak dapat dikesan di mana adanya. Kalau betul begitu – orang-orang anti agama atau orang-orang yang disebut “Free Thinker” (bebas) ingat-ingat mengikut hala lidahnya kerana lidah itu tidak bertulang mudah berbelit-belit lalu menjerat leher. Kalau tak percaya cuba tetapi kita tak berani cuba kerana kita yakin balasan Tuhan sangat pedih – Cemeti al-Farouk.